

# MoA USIM-JLKN mantapkan Briged Sukarelawan Khidmat Negara

SEREMBAN 6 Nov. - Memorandum perjanjian (MoA) di antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mewujudkan Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) dilihat satu langkah strategik bagi membina kerjasama dalam pelbagai bidang pada masa depan.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail menjelaskan pihaknya berbangga apabila USIM memulakan langkah berkenaan dengan membina reputasi sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama yang merintis usaha penubuhan BSKN.

Jelas beliau, BSKN merupakan satu kokurikulum berkredit dibawah Teras Kesukarelawanan Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI) yang ditawarkan untuk empat semester dan setiap semester menawarkan satu jam kredit.

"BSKN merupakan kokurikulum berkredit kelima yang ditawarkan dibawah Teras Kesukarelawanan PPKI selepas Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes), Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis), Siswa Pertahanan Awam dan Bulan Sabit Merah di USIM.

"Penghasilan dan pembangunan Modul BSKN secara komprehensif di antara pihak JLKN dan PPKI di-



**ABDUL Rahim Bakri** membetulkan pakaian seragam salah seorang pelajar USIM yang menyertai Briged Sukarelawan Khidmat Negara sambil diperhatikan oleh Asma Ismail (kiri) serta Abdul Hadi Awang (dua dari kanan) dalam majlis pelancaran dan menandatangani memorandum perjanjian penubuhan BSKN di Nilai, dekat Seremban, baru-baru ini.

lakukan dengan penuh teliti dan efektif dan apa yang boleh dibanggakan ialah modul ini akan digunapakai di seluruh IPTA dan IPTS di

negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis menandatangani memorandum perjanjian an-

tara JLKN dan USIM serta pelancaran BSKN kali pertama di IPT di USIM, Nilai, dekat sini, baru baru ini.

MoA yang ditandatangani kedua-dua pihak itu disaksikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim Bakri dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JLKN, Datuk Abdul Hadi Awang Kecil.

Sementara itu Pengerusi BSKN, Mohd. Syafiq Mohd. Taufik memberitahu, penubuhan pasukan berkenaan meletakkan ia sebaris dengan pasukan kokurikulum yang lain, malah ia menonjolkan keunikannya apabila menerima keahlian dari bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Malah katanya, penubuhan BSKN di USIM juga dapat mendalami semangat kesukarelaan dan menjadi pemangkin kepada semangat perpaduan nasional melalui gagasan IMalaysia.

"BSKN juga turut menjadi bukti kejayaan pelaksanaan PLKN sekaligus menangkis tohmahan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengatakan PLKN sebagai program yang membazirkan kewangan kerajaan.

"Semangat patriotik, kesukarelaan dan yang terpenting perpaduan kaum yang terbentuk dalam latihan PLKN amat jelas dapat dilihat melalui penglibatan ahli ahli BSKN dalam setiap program yang dianjurkan," katanya.